

## Pelaksanaan e-Invois: Soalan Lazim untuk Pelanggan

Kepada Pelanggan yang Dihormati ("anda"),

Terima kasih kerana memilih MCIS Insurance Berhad (MCIS Life) sebagai syarikat insurans pilihan anda. Kami bangga menjadi sebahagian daripada ahli Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM).

Selaras dengan pengumuman Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) pada Oktober 2023 mengenai pelaksanaan e-invois di Malaysia, MCIS Life telah melaksanakan e-invois mulai 1 Ogos 2024.

Sila rujuk kepada Soalan Lazim (FAQ) di bawah tentang e-invois bagi maklumat lanjut:

### 1. Apakah e-invois?

e-invois diperkenalkan oleh LHDNM dalam undang-undang perculaian Malaysia mulai 1 Ogos 2024 bagi meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran cukai Malaysia. e-invois mewakili salinan digital bagi transaksi antara pembekal dan pembeli.

### 2. Apakah dokumen yang anda (pemegang polisi) akan terima selepas 1 Ogos 2024?

Pada 26 Julai 2024, LHDNM mengumumkan Tempoh Kelonggaran Sementara selama 6 bulan untuk seluruh negara bagi membenarkan semua perniagaan mengeluarkan e-invois gabungan ("EI") dan SBEI gabungan selepas e-invois mula dilaksanakan.

Sehubungan dengan itu, semua syarikat insurans telah mendapat kelulusan daripada LHDNM untuk mengeluarkan EI gabungan bagi semua produk dan perkhidmatan yang disediakan dari **1 Ogos 2024 hingga 30 Jun 2025**. Dalam tempoh ini, **kami akan terus mengeluarkan invoice dan/atau resit biasa kepada anda, seperti prosedur sedia ada**.

Mulai 1 Julai 2025, anda akan menerima e-invois yang disahkan untuk semua premium, fi dan caj yang berkaitan dengan polisi insurans anda dengan MCIS Life.

### 3. Adakah anda akan menerima EI daripada MCIS Life sekiranya anda bukan pemegang polisi?

Tidak. EI hanya akan dikeluarkan untuk pemegang polisi, selaras dengan garis panduan terkini LHDNM.

### 4. Apakah maklumat yang diperlukan daripada anda bagi memastikan pematuhan terhadap e-invois?

Kami memerlukan maklumat terkini anda seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang, termasuklah **Nama, Alamat, Nombor Telefon, Alamat e-mel, Nombor Pengenalan Cukai (TIN), Nombor Kad Pengenalan/Nombor Pendaftaran Perniagaan (BRN) Baharu, Nombor Pasport/ MyPR/ MyKAS** bagi bukan warganegara dan **Nombor Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)** (**jika berkenaan**).

Sila kemas kini butiran anda dengan mengisi borang yang sesuai mengikut profil anda. Bagi individu, sila gunakan Borang Permohonan Perkhidmatan Pelanggan dan untuk entiti pula, sila gunakan Borang Permohonan Perkhidmatan Entiti. Kedua-dua borang boleh didapati di laman web MCIS Life di bawah bahagian Customer Care di [www.mcis.my/customer-care/download-forms](http://www.mcis.my/customer-care/download-forms).

Kami ingin menekankan kepentingan untuk memastikan pematuhan dengan pelaksanaan ini semasa mengeluarkan EI dan/atau SBEI (**jika berkenaan**) yang disahkan **selepas Tempoh Kelonggaran Semasa**. Kegagalan berbuat demikian boleh dianggap sebagai ketidakpatuhan terhadap syarat e-invois Malaysia.

## 5. Apakah Nombor Pengenalan Cukai (TIN)?

### Takrif TIN:

- TIN merupakan nombor unik yang diberikan kepada individu atau entiti oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)
- Nombor ini digunakan bagi mengenal pasti pembayar cukai dan untuk memfailkan penyata cukai bersama LHDNM

### Syarat:

- Sekiranya anda membayar cukai di Malaysia, anda diwajibkan memberi nombor TIN anda.
- Syarat ini wajib dipenuhi tidak mengira sama ada anda individu maupun perniagaan.

### Perbezaan Format:

- Format TIN mungkin berbeza mengikut kategori perniagaan anda atau kategori pembayar cukai. Sebagai contoh, TIN sebuah entiti korporat mungkin berbeza daripada TIN individu.

### Maklumat Lanjut:

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai format TIN, anda boleh merujuk kepada dokumen khusus yang disediakan dalam laman web LHDNM melalui pautan <https://www.hasil.gov.my/media/1iblexbc/malaysia-tin.pdf>.

## 6. Bolehkah saya mengemas kini maklumat saya dalam talian atau adakah saya harus pergi sendiri ke cawangan?

Anda boleh mengemas kini maklumat anda menggunakan mana-mana kaedah di bawah:

### 1. Layari Laman Web Kami:

Muat turun semua borang yang berkenaan daripada laman web kami, isikan dengan lengkap dan kemudian hantarkan kepada kami.

### 2. Lawati Kami atau Hubungi Perantara yang Dipercayai:

Anda boleh mendapatkan borang yang berkenaan dengan mengunjungi mana-mana cawangan kami atau dengan menghubungi perantara yang anda percaya (ejen).

### 3. Menghantar Borang yang Sudah Diisi Lengkap:

Setelah anda mengisi borang dengan lengkap, anda boleh:

- Membuat penyerahan kepada kami di mana-mana cawangan kami.
- Serahkan melalui perantara yang anda percaya (ejen)
- E-mel borang yang telah diimbas kepada [einvoice@mcis.my](mailto:einvoice@mcis.my).

## 7. Apakah akibatnya sekiranya maklumat saya tidak lengkap atau tidak tepat?

Maklumat yang tidak lengkap atau tidak tepat boleh melambatkan lagi pengeluaran e-invois (EI) atau e-invois kendiri (SBEI) anda yang telah disahkan. Ini boleh menjadikan kemampuan anda untuk mematuhi undang-undang percukaian atau mengganggu proses tuntutan anda.

Bagi mengelakkan masalah yang berkenaan, anda harus memberi butiran yang lengkap dan tepat, seperti:

- Nama Penuh
- Alamat Terkini
- No. KP/ Nombor Pengenalan Cukai (TIN)
- Nombor Pasport / MyPR / MyKAS
- No. Pendaftaran Perniagaan (BRN) yang terkini (jika berkenaan)
- Nombor Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) (jika berkenaan)

Sekiranya maklumat anda didapati tidak lengkap, kami akan menghubungi anda untuk mendapatkan butiran yang diperlukan. Sila lakukan pembetulan anda dengan secepat mungkin bagi mengelakkan kelewatan invois atau proses tuntutan anda.

Bagi bantuan lanjut untuk mengemas kini maklumat anda, sila hubungi pasukan sokongan kami melalui [einvoice@mcis.my](mailto:einvoice@mcis.my). atau lawati laman web kami.

**8. Mengapa anda perlu mengemas kini Nombor Pendaftaran Perniagaan (BRN) dengan kami?**

Berkuat kuasa 11 Oktober 2019, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) memperkenalkan format baharu nombor pendaftaran 12 digit untuk syarikat, perniagaan dan Perkongsian Liabiliti Terhad (LLP) bagi memastikan konsistensi dan pematuhan terhadap undang-undang.

Bagi mematuhi peraturan e-invois Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), semua perniagaan yang berdaftar bawah SSM diwajibkan untuk memberi BRN mereka yang terkini. Perniagaan yang tidak berdaftar bawah SSM diwajibkan untuk memberi BRN yang dikeluarkan pihak berkuasa yang berkenaan.

**9. Apakah yang perlu dibuat sekiranya ada pertikaian dalam invoice yang dikeluarkan MCIS Life (contohnya ralat)?**

Mulai 1 Ogos 2024 sehingga 30 Jun 2025, prosedur kami yang sedia ada masih kekal tidak berubah. Sekiranya terdapat pertikaian, kami akan mengeluarkan nota kredit dan memberi invoice yang telah disemak semula.

Mulai 1 Julai 2025, anda perlu melawat laman web kami yang khusus (akan diberitahu kelak) bagi memaklumkan pertikaian tersebut. Setelah aduan anda disahkan dan diterima oleh MCIS Life, kami akan mengeluarkan e-Nota Kredit yang merujuk kepada nombor e-invois (EI) asal, jika berkenaan. Kemudian, e-invois yang telah disemak semula akan dikeluarkan sebagai bukti untuk anda gunakan bagi tujuan percuaian.

**10. Bagaimanakah jika anda memohon untuk membatalkan polisi?**

Anda boleh memohon untuk membatalkan polisi mengikut prosedur sedia ada.

Namun begitu, mulai 1 Julai 2025, MCIS Life boleh mengeluarkan e-Nota Permulangan (e-RN) kepada anda untuk pemulangan premium selepas polisi anda dibatalkan, jika berkenaan.

**11. Mengapakah anda menerima e-invois kendiri (SBEI) daripada MCIS Life bagi bayaran tuntutan tunai yang anda telah terima?**

Bermula 1 Februari 2025, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mewajibkan MCIS Life untuk mengeluarkan e-invois kendiri (SBEI) bagi semua pembayaran tunai, termasuklah tuntutan tunai. Ini merupakan sebahagian daripada undang-undang percuaian baharu bagi memastikan penyimpanan rekod yang tepat bagi transaksi tuntutan.

Sekiranya anda ialah pelanggan korporat, anda perlu memberi kami maklumat penting seperti Nombor Pengenalan Cukai (TIN), nombor Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dan nombor Pendaftaran Perniagaan (BRN) yang terkini sebelum kami boleh memproses tuntutan anda. Setelah semua butiran ini diberi, kami akan mengeluarkan SBEI yang disahkan bagi simpanan rekod anda.

Sekiranya anda ialah pemegang polisi individu, proses ini tidak tertakluk kepada anda dan tiada tindakan selanjutnya yang diperlukan.

**12. Bolehkah saya memohon untuk e-invois terdahulu bagi transaksi yang dibuat sebelum 1 Ogos 2024?**

Tidak, e-invois terdahulu tidak boleh dikeluarkan bagi transaksi yang dibuat sebelum 1 Ogos 2024. Syarat e-invois oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) hanya berkuasa mulai 1 Ogos 2024.

Untuk transaksi yang dibuat sebelum tarikh ini, semua invoice dan resit yang dikeluarkan melalui prosedur sedia ada akan kekal sah bagi tujuan percuaian dan penyimpanan rekod. Sekiranya anda memerlukan salinan invoice yang pernah dikeluarkan dahulu, sila hubungi kami di [einvoice@mcis.my](mailto:einvoice@mcis.my) atau lawati cawangan terdekat anda untuk sebarang bantuan.



**13. Bagaimana jika anda mempunyai pertanyaan lanjut tentang e-invois?**

Sila kemukakan pertanyaan anda kepada [einvoice@mcis.my](mailto:einvoice@mcis.my). Kami akan berusaha menjawab semua persoalan anda berdasarkan garis panduan dan syarat terkini daripada LHDNM.

Terima kasih atas sokongan dan kerjasama berterusan anda.

Salam hormat,

**MCIS Insurance Berhad**